MAHATHIR '''

1984

PULAU PINANG, 1 3 MEI, (BERNAMA) -- PROSES PEMBANGUNAN NEGARA YANG BERJALAN PESAT SEKARANG TIDAK BOLEH DIBERHENTIKAN BUAT SEMENTARA SUPAYA ORANG MELAYU YANG KETINGGALAN DAPAT MENGEJARNYA, DATUK SERZ DR. MAHATHZR MOHAMAD BERKATA HARZ ZNZ.

PERDANA MENTERZ BERKATA TIDAK ADA KUASA YANG BOLEH MENAHANNYA DANJIKAPUN KERAJAAN BERBUAT DEMIKIAN, LANGKAH ZTU BUKAN SAHAJA MERUGIKAN NEGARA MALAH TARAF HIDUP ORANG MELAYU JUGA AKAN TURUT PERJEJAS. .

SEBALIKNYA ORANG MELAYU SENDIRI HENDAKLAH BERSEDIA MENERIMA HAKIKAT PEMBANGUNAN DAN MENGAMALKAN NILAI-NILAI MODEN YANG BOLEH MEMAJUKAN MEREKA, KATANYA KETIKA MERASMIKAN KONVENSYEN UMNO PULAU PINANG DI SEBUAH H9TEL DI TELUK BAHANG DI SZNZ.

BELIAU MENEGASKAN PNZLAH SEBABNYA KERAJAAN BERUSAHA MENERAPKAN NILAI-NILAI ISLAM DAN NILAI-NILAI BEKERJA KUAT, TEKUN DAN SANGGUP BEKERJA SEBAGAI SATU PASUKAN DI BAWAH DASAR PANDANG KE TIMUR DAN MENERUSI BERBAGAI USAHA 'LAIN TERMASUK KEMPEN KEPIMPINAN MELALUI TELADAN. -- LAGI 1523/MK

MAHATHSR 2 PULAU PINANG'''

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERHARAP ORANG MELAYU DI NEGERI ITU AKAN TURUT MEMAHAMI HAKIKAT TERSEBUT DAN SANGGUP MENERIMA DAN MENGAMALKAN NILAI-NILAI MODEN ITU UNTUK MEMBOLEHKAN MEREKA MEMAJUKAN DIRI SETARAF DENGAN PENDUDUK KAUM-KAUM LAIN YANG MAJU.

ORANG MELAYU PULAU PINANG, KATANYA, TIDAK SEHARWSNYA MERATAPI NASIB MALANG MEREKA YANPA MEMBUAT SESUATU UNTUK MENGUBAH KEADAAN.

+ITU BUKANLAH CARANYA, SEBALIKNYA KITA HARUS MERENUNGKAN NASIB KITA SAMA ADA IA BEGITU BURUK ATAU BERUBAH DAN LEBIH BAIK+.

KATANYA, MASYARAKAT MELAYU PULAU PINANG MESTP MENERIMA HAKIKAT BAHAWA BANYAK PERUBAHAN DAN KEMAJUAN BERLAKU DI SEKELILING MEREKA DAN MENGIKIS SIKAP SUKA MENERUSKAN MATA PENCARZAN NENEK MOYANG MEREKA SEPERTI MENJADI NELAYAN.

+DALAM ZAMAN MODEN MEREKA TIDAK BOLEH MENGASZNGKAN DIRI DARI PERKEMBANGAN EKONOMI MODEN KERANA TIADA ORANG MERUPAKAN PULAU+. --- LAGI 1540/MK

.....

ZCZC 8583

MAHATHIR 3 PULAU PINANG '''

KATANYA SAMA ADA SESEORANG ITU SUKA ATAU TIDAK IA TETAP AKAN DIBAWA OLEH ARUS PERKEMBANGAN EKONOMI MODEN.

BELIAU BERKATA OLEH ITU MASYARAKAT MELAYU DI SINI PERLU MENCARI PELUANG EKONOMI YANG TIMBUL DARZ PERKEMBANGAN EKONOMI LEBIH-LEBIH LAGI APABILA SZAP PROJEK JAMBATAN PULAU PZNANG.

DATUK SERI DR. MAHATHZR YAKIN ORANG MELAYU DI SINI AKAN MENDAPAT TEMPAT DALAM PEMBANGUNAN DAN PERCAYA KERAJAAN NEGERI AKAN MEMBERI LAYANAN KEPADA PERMINTAAN MEREKA JIKA IA MUNASABAH.

BELIAU JUGA MEMBERI JAMINAN KERAJAAN PUSAT AKAN MEMBERI BANTUAN DAN BERHARAP UMNO SEBAGAI PARTZ YANG BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP NASIB ORANG MELAYU MEMAINKAN PERANANNYA.

BELIAU YANG JUGA PRESIDEN UMNO BERKATA TUGAS ANGGOTA UMNO BUKANLAH SEKADAR MELAHIRKAN KELUHAN RAKYAT DALAM KONVENSYEN SEPERTI YANG DIANJURKAN TETAPI LEBIH DARI ITU MEREKA HENDAKLAH MENGEMUKAKAN PENDAPAT YANG BOLEH MEMPERBAIKI KEDUDUKAN ORANG MELAYU. -- BERNAMA